

18 APR 2003

Syed Hamid-Musuh

PERPADUAN KAUM BENTENG UTAMA GAGALKAN HASRAT MUSUH NEGARA

KOTA BAHARU, 18 April (Bernama) -- Kejayaan Malaysia mempertahankan negara daripada ancaman berterusan musuh luar berpunca daripada perpaduan ampuh yang ditunjukkan oleh masyarakat majmuk negara ini, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

"Inilah kunci kekuatan kita dalam memainkan peranan utama dalam aliran politik antarabangsa. Orang tak akan hormati kita kalau kita berpecah belah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Forum Hak Asasi Manusia anjuran Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia dan Umno Kelantan di sini.

Beliau berkata ramai rakyat tidak menyedari kesan yang diterima Malaysia apabila ia berterusan memperjuangkan prinsip kebenaran di peringkat antarabangsa, negara sebenarnya sering menerima tekanan hebat dari luar.

Syed Hamid bagaimanapun berkata hasrat sesetengah pihak untuk melihat Malaysia menjadi lemah disebabkan masalah dalaman tidak tercapai kerana rakyatnya bersatu padu.

Beliau seterusnya mengingatkan rakyat supaya tidak memandang remeh isu perpaduan kerana pengajaran lepas menyaksikan banyak negara luar mudah tumpas di tangan musuh apabila rakyat bertelagah sesama sendiri.

Syed Hamid berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sering mengingatkan agar kita menjaga perpaduan, pastikan negara tidak hura-hara dan ekonomi berjalan baik.

"Kita juga jangan terlalu bergantung kepada sesebuah negara yang boleh terlalu menekan kita. Kita juga mesti pelbagaikan pasaran, ekonomi, kewangan dan perdagangan dengan negara-negara yang pelbagai supaya kita tidak terlalu bergantung kepada mana-mana pihak yang boleh memaksa kita untuk melakukan sesuatu," katanya.

Syed Hamid berkata tuduhan terbaharu bahawa Malaysia bertindak memberi perlindungan kepada pegawai-pegawai kanan Iraq selepas mereka melarikan diri dari Baghdad sebelum pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya, adalah antara usaha musuh negara untuk memburuk-burukkan Malaysia.

Pada perkembangan lain, Syed Hamid menegur PAS kerana cuba mencari kepentingan politik berhubung isu pencerobohan Iraq apabila menafikan peranan kerajaan dalam memperjuangkan kepentingan Iraq.

Katanya, tindakan PAS cuba mempengaruhi sesetengah rakyat, selain cuba melemahkan kuasa politik umat Islam di negara ini seolah-olah cuba menjayakan hasrat musuh negara.

"Sebab itu saya berharap sangat pada pilihan raya umum ini kita tengok dan insaf kejadian di Iraq.

"Dan pada pilihan raya itu nanti kerajaan di Kelantan dan Terengganu dipulangkan kepada Barisan Nasional supaya kita boleh bawa kepada satu kemuafakatan ummah yang amat kukuh yang dapat membantu kemajuan negara kita," katanya.

Forum sehari itu disertai 400 orang peserta.

-- BERNAMA

RAR MOZ